

22 FEB, 2025

UNITEN KSHAS Tawar Biasiswa bernilai RM9 Juta: Peluang Pendidikan Terbaik!

Sinar Harian, Malaysia



Oleh: Ahmad Fazree Md Nor.

MUADZAM SHAH — Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Kampus Sultan Haji Ahmad Shah (KSHAS) menyediakan biasiswa berjumlah **RM9 juta** untuk pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan bagi melanjutkan pengajian di UNITEN KSHAS. Biasiswa ini merangkumi yuran pengajian, yuran penginapan, serta elaun sara hidup bagi pelajar di peringkat *foundation*, diploma dan ijazah sarjana muda. Pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya lulus SPM dengan 3 kepujian termasuk lulus Bahasa Inggeris dan matematik boleh memohon biasiswa ini berdasarkan pendapatan keluarga. Pelajar yang berjaya daripada keluarga B40 akan menerima tajaan penuh manakala pelajar daripada Kumpulan T20 boleh menikmati diskaun yur-



Kemudahan penginapan pelajar yang serba lengkap untuk keselesaan pelajar

an pengajian sehingga RM15,000 bagi program berkaitan. Biasiswa ini menjadikan kos pengajian di UNITEN KSHAS antara yang paling berpatutan berbanding institusi pengajian tinggi swasta lain.

UNITEN KSHAS turut menawarkan Skim Galakan Pendidikan JAKOA di mana tajaan penuh ditawarkan kepada pelajar-pelajar Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma. Inisiatif bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ini juga disokong oleh Kerajaan Negeri Pahang dan Orang Asli

UNITEN KSHAS Tawar Biasiswa bernilai RM9 Juta: Peluang Pendidikan Terbaik!



Pelajar menikmati kemudahan selesa di Pusat Sumber Informasi (IRC), UNITEN KSHAS.

Corporation (ORACO) dalam meningkatkan taraf pendidikan Orang Asli di Negeri Pahang

Program Bersifat Holistik dan Berdaya Saing

Pelbagai program ditawarkan di UNITEN KSHAS untuk memenuhi kehendak industri semasa. Antaranya ialah program asasi dalam bidang Pentadbiran Perniagaan dan Perakaunan, program diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Perniagaan Digital, Teknologi Kewangan, dan Perakaunan, serta program ijazah sarjana muda dengan kepujian dalam bidang Perakaunan dengan ACCA, dan Pengajian Perniagaan dalam Pemasaran dan Pengurusan Sumber Manusia. Selain itu kurikulum *Work Based Learning (WBL)* yang menawarkan pengajian berteraskan alam pekerjaan di mana pelajar akan berada selama 2 tahun di kampus dan seterusnya 1 tahun di syarikat-syarikat pilihan untuk modul praktikal turut digunakan bagi program berkaitan. Kesemua program di UNITEN

KSHAS diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan tenaga pengajarnya terdiri daripada ahli akademik yang berpengalaman terutamanya dalam industri.

Program Huffaz Profesional di UNITEN KSHAS juga kembali diperkenalkan dengan tajaan penuh dari Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) bagi anak Pahang dari golongan berpendapatan rendah. Program kerjasama dan modul bersepadu Darul Quran-JAKIM ini bertujuan memperkasa

kursus tahfiz dan kursus-kursus akademik di mana mereka berpeluang untuk menghabiskan hafazan Al-Quran selama 7 semester sepanjang pengajian mereka di UNITEN.

Kejayaan Pelajar di Persada Dunia

Pelbagai kemudahan lengkap disediakan kepada pelajar di UNITEN KSHAS yang bertujuan untuk menggalakkan pelajar terlibat secara aktif bagi melahirkan graduan yang cemerlang. Ini telah dibuktikan di mana kumpulan pelajar UNITEN KSHAS telah memenangi tempat kedua di "*Convergence Innovation Competition Asia 2024*" di Taipei, Taiwan pada 7 Disember 2024. Kumpulan pelajar ini diketuai oleh Wan Qistina bte Wan Izahan Zamaree, pelajar jurusan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa. Selain itu, salah seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Alya Rezal bte Ahmad Rezal, telah menerima anugerah "*National Accounting Student Excellence Award (NASEA)*" pada bulan Jun 2024 bersempena dengan *Malaysian Institute of Accountants (MIA) Conference 2024* di atas kecemerlangan yang ditunjukkan dalam bidang akademik dan juga ko-kurikulum.

UNITEN KSHAS telah melahirkan ramai tokoh-tokoh korporat yang berjaya. Di samping mempunyai firma dan syarikat sendiri, sebilangan besar mereka juga berjaya dalam sektor swasta dan kerajaan. Antaranya ialah En Airil Adib bin Abd Khair, Pengurus Kanan di Tenaga Nasional Berhad, Pn. Siti Zulaikha Mohamad Zubir, Pegawai Tadbir dan Diplomatik, Pn. Nuruldyia Ahmad, Timbalan Pengarah Unit Pelaburan Asing, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Wan Haziq Naim Bin Wan Johan, Pengarah di PwC Malaysia dan ramai lagi yang telah berjaya dalam bidang masing-masing.

Dengan pendidikan berkualiti yang ditawarkan, peruntukan biasiswa yang tinggi, dan kos pengajian yang tidak membebankan, UNITEN KSHAS merupakan pilihan terbaik bagi pelajar untuk melakar kejayaan dalam kanvas kehidupan. Dapatkan maklumat lanjut melalui laman web rasmi UNITEN di www.uniten.edu.my dan sertaini UNITEN hari ini!



Alya Rezal binti Ahmad Rezal, pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan UNITEN KSHAS yang menerima anugerah *National Accounting Student Excellence Award 2023* di MIA 2024